

# 2

## **GUGATAN AKIDAH: BERTAWAKAL KEPADA SELAIN ALLAH**

Siti Norain Amir  
Siti Hawa Johari  
Kamarul Azmi Jasmi

### **Abstrak**

*Kertas kerja ini mengupas mengenai bertawakal kepada selain Allah. Dalam kertas kerja ini membincangkan contoh amalan bertawakal selain Allah yang merupakan antara dosa besar yang perlu dijauhi oleh umat Islam. Setiap masalah ada penyelesaiannya, begitu juga dengan masalah bertawakal selain Allah kerana dalam kertas kerja ini terdapat cara mengatasi perbuatan bertawakal selain Allah. Sebagai umat Islam, hendaklah sentiasa berpegang teguh pada al-Quran dan as-Sunah agar tidak tersasar daripada landasan ajaran agama Islam.*

### **PENDAHULUAN**

Artikel ini membincangkan definisi bertawakal, amalan bertawakal selain Allah SWT yang merosakkan akidah, dan cara mengatasinya.

### **DEFINISI BERTAWAKAL**

Bertawakal bermaksud menyerahkan diri kepada Allah setelah berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan sesuatu. Namun salah jika beranggapan bertawakal hanya menunggu nasib tanpa berusaha mendapatkannya. Bertawakal membezakan antara orang Islam dan orang kafir. Hal ini demikian kerana masing-masing berusaha tetapi orang yang beriman itu mempunyai sifat tawakal, manakala

orang kafir tidak ada tawakalnya (Jasmi & Tamuri, 2011). Hal ini sebagaimana firman Allah:

قَالَ رَجُلَانِ مِنَ الَّذِينَ يَخَافُونَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمَا ادْخُلُوا  
عَلَيْهِمُ الْبَابَ فَإِذَا دَخَلْتُمُوهُ فَآتِكُمْ غَالِبُونَ وَعَلَى اللَّهِ  
فَتَوَكَّلُوا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٣﴾

*Maksud: Berkatalah dua lelaki antara orang yang takut (menyalahi perintah Tuhan), lagi yang diberi nikmat (taufik) oleh Allah kepada keduanya: "Seranglah mereka melalui pintu itu, kerana apabila kamu memasukinya maka sudah tentu kamulah orang yang menang; dan kepada Allah jualah hendaklah kamu berserah (setelah kamu bertindak menyerang), jika benar kamu orang yang beriman"*

(Surah al-Maidah, 4:23)

Kita sebagai kaum Muslimin dan Muslimat diperintah oleh Allah supaya sentiasa bertawakal kepada-Nya. Tetapi bagaimana pula ada segelintir umatnya bertawakal selain daripada Allah? Ataupun sebenarnya ada kaum Muslimin yang bertawakal kepada yang lain tanpa disedari perbuatannya itu.

## **AMALAN BERTAWAKAL YANG MEROSAKAN AKIDAH**

Bertawakal selain daripada Allah bermaksud menyerahkan diri dan bergantung kepada selain Allah. Contoh bertawakal selain daripada Allah seperti berikut syirik,

### **Syirik**

Kesalahan dalam memahami tawakal ini akan menyebabkan rosaknya akidah seseorang itu bahkan boleh terjerumus dalam perkara yang membatalkan akidah yang paling besar, iaitu syirik. Syirik bermaksud

menyekutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifatnya dan perbuatan (Omar, 2004).

Syirik terbahagi kepada dua, iaitu Syirik Jali dan Syirik Khafi. Syirik Jali adalah syirik yang dibuat secara terang-terangan. Hal ini demikian boleh berlaku sama ada dari iktikad, lisan atau perbuatan.

Contoh syirik melalui iktikad ialah meragui dan menafikan kewujudan Allah serta mempercayai ada kuasa lain daripada Allah. Manakala contoh perbuatan syirik daripada perbuatan ialah menyembah berhala, memohon keramat di perkuburan, memakai tangkal azimat untuk menjadi kuat dan berjumpa bomoh meminta bantuan atas keinginan tentang sesuatu (Yusoff, 2011).

Menyembah berhala juga bermacam-macam. Kemusyrikan Majusi Persia yang mengatakan ada dua macam tuhan, iaitu tuhan baik (tuhan bercahaya) dan tuhan buruk (tuhan gelap) mengikut agama Hindu dan Buddha. Para penyembah berhala ini paling banyak pengikutnya dan meracun ratusan juta orang Asia dan Afrika.

Kemusyrikan ini tempat bercambahnya pelbagai bentuk khurafat dan sekali gus menjatuhkan martabat manusia. Hal ini demikian adalah kerana manusia menyembah benda yang mereka ciptakan sendiri. Mereka mencipta benda yang tidak boleh berkhidmat kepadanya malah mereka pula menjadi hamba, taat dan tunduk kepada ciptaannya sendiri.

Selain itu syirik jali juga boleh terjadi melalui lisan. Contohnya menghalalkan perkara yang haram, dan mengaku keluar daripada Islam.

Syirik yang kedua ialah syirik khafi (syirik dibuat secara halus). Hal ini bermaksud menunjuk-nunjuk kehebatan diri dengan orang lain, takbur (bangga diri) serta ujub (mengagumi diri sendiri). Syirik ini tidaklah membatalkan iman, Cuma sifat ini berpunca daripada iman yang lemah dan terlalu mengikut hawa nafsu. Syirik ini berpunca daripada kesombongan manusia yang enggan mengakui kebesaran Allah sehingga dia menduakan Allah dan bertawakal selain daripadanya (Fatanah, 2005: 10).

### Nifaq

Nifaq juga menjadi salah satu yang menyebabkan manusia bertawakal selain Allah. Secara umumnya perkataan munafik dalam istilah agama ialah seseorang yang memperlihatkan keimanan pada zahirnya, tetapi menyembunyikan kekafiran dalam hatinya (Ismail, 2006).

Menurut Imam Nawawi: “Apabila orang beriman mempunyai atau menyerupai sifat munafik maka ia disebut nifaq, iaitu melahirkan sesuatu yang menyalahi keadaan hatinya.” Hal ini sebagaimana firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ  
لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ  
وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

*Maksud: Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam Segala perkara), supaya ia memberi taufiq Dengan menjayakan amal kamu, dan mengampunkan dosa kamu. dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.*

(Surah al-Azhab, 33:70-71)

Antara sifat munafik ialah mereka malas beribadah kepada Allah. Di zaman Rasulullah orang munafik kelihatan bersama-sama mengerjakan solat bersama baginda, tetapi mereka mengerjakan solat dengan cara yang malas. Antara sifat yang lain ialah mereka lupa kepada Allah yang Maha Esa. Hal ini demikian adalah kerana mereka tidak pernah terlintas untuk mengingati Allah baik ketika senang ataupun susah. Sifat munafik ini menyebabkan berlakunya manusia bertawakal selain Allah.

### Fahaman Ateis

Ateis adalah salah satu fahaman yang menafikan kewujudan Allah. Ateis bermaksud orang yang tidak mempercayai bahawa semesta ini mempunyai Tuhan, yang mempunyai malaikat, kitab suci, Rasul yang memberi khabar gembira dan peringatan serta tidak percaya kepada hari akhirat dan berlakunya kiamat (al-Qardawi, 1996). Sebagaimana firman Allah:

وَقَالُوا إِن هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا وَمَا نَحْنُ بِمَبْعُوثِينَ ﴿٢٩﴾

*Maksud: Dan tentulah mereka akan berkata pula: "Tiadalah hidup yang lain selain dari hidup kita di dunia ini, dan tiadalah kita akan dibangkitkan semula sesudah kita mati".*

(Surah *al-An'am*, 6:29)

Sebahagian orang ateis ini mengungkapkan: "Hidup ini hanyalah lahir daripada Rahim kemudian ditelan oleh tanah, dan tiada apa-apa lagi selepas itu." Menurut pandangan mereka, agama adalah sesuatu yang diadakan dan ketuhanan adalah bualan kosong sahaja. Oleh itu, terdapat tokoh falsafah yang ingkar terhadap tuhan dan berkata: "Tidaklah benar bahawa sesungguhnya Allah yang menciptakan manusia. yang benar ialah manusia yang menciptakan Allah". Ucapan ini merupakan kesesatan yang sangat jauh, tidak diterima logik akal, logik fitrah dan logik wahyu yang didasarkan pada bukti yang sangat pasti mengenai kewujudan Allah. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي نَزَّلَ  
عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَابِ الَّذِي أَنْزَلَ مِنْ قَبْلُ وَمَنْ يَكْفُرْ

بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ  
ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

*Maksud: Wahai orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab al-Quran yang diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad SAW), dan juga kepada kitab suci yang diturunkan dahulu daripada itu. dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan malaikat-Nya, dan kitab-Nya, dan rasul-Nya dan juga hari akhirat, maka sesungguhnya ia sesat Dengan kesesatan yang amat jauh.*

(Surah Al-Nisa',4:136)

Dengannya fahaman Ateis ini, lagi menguatkan bahawa mereka tidak akan bertawakal kepada Allah.

### **Khurafat**

Masyarakat Melayu kebanyakan sudah pun memeluk agama Islam sejak lahir lagi. Namun mereka masih lagi mempercayai kepercayaan nenek moyang mereka seperti percaya adanya tempat-tempat keras, orang bunian, dan kuasa 'sumpah' (Abidin, 2008). Kepercayaan ini membolehkan seseorang itu terpesong daripada akidah dan menghampiri syirik. Contoh kepercayaan khurafat ialah (Mohd, 2011):

- (1) Mempercayai sesuatu benda mempunyai kuasa sakti seperti memakai tangkal atau azimat yang boleh membawa kekuatan dan melindungi sesiapa yang memilikinya. Ia juga percaya azimat ini tidak dapat dikalahkan oleh sesiapaupun.
- (2) Mempercayai kepada kuasa sumpah seperti manusia boleh menyumpah anaknya menjadi batu, menyumpah sebuah negeri menjadi padang jarak padang tekukur selama tujuh keturunan, menyumpah putera raja menjadi katak dan banyak lagi.

- (3) Mempercayai kuasa ghaib pada angka dan huruf. Sebagai contoh angka tujuh membawa tuah dan angka lapan adalah membawa sial.
- (4) Mempercayai benda yang mempunyai kuasa keramat seperti minyak dagu yang diambil daripada hasil membakar dagu mayat, mengambil tali ikat mayat sebagai tali perawan untuk kelihatan lebih menawan di khalayak ramai.
- (5) Mempercayai kuasa bomoh yang boleh mengabulkan permintaan seseorang atau meminta penawar untuk penyakit misteri.

Sesungguhnya, perbuatan khurafat ini sememangnya membawa kesesatan yang nyata dan mengakibatkan runtuhnya akidah seseorang. Khurafat juga merupakan antara dosa-dosa besar yang kesudahannya tiada tempat lain kecuali neraka, dan diharamkan masuk ke dalam syurga.

### **Doktor Mengubat Pesakit**

Kadangkala pesakit kronik di hospital hanya berserah kepada usaha doktor, bukannya kepada Allah. Contohnya pesakit hanya mengharapkan doktor mengubati penyakit mereka dan hanya berharap usaha doktor itu sahaja. Mereka terlupa bahawa Allah yang mendatangkan penyakit dan Allah jugalah yang memberi penawar kepada semua penyakit. Sebaik-baiknya ialah berubat dengan doktor merupakan satu usaha untuk menyembuhkan penyakit tersebut tetapi pada masa yang sama mereka bertawakal dan berdoa kepada Allah supaya diringankan dan disembuhkan penyakit tersebut. Mereka juga perlu yakin bahawa sakit dan penyembuhannya itu adalah bergantung dan kehendak daripada Allah SWT.

Begitu juga dengan ubat yang dimakan. Manusia terlalu berharap bahawa dengan ubat, mereka boleh sembuh daripada penyakit yang mereka alami. Ubat merupakan sesuatu perantaraan dan sebahagian daripada ilmu Allah. Maka, dengan adanya ubat disertakan dengan usaha doktor dan bertawakal kepada Allah, sakit yang kronik dapat disembuhkan atas izin Allah.

**Tidak Mengenal Diri Sendiri**

Dalam ajaran agama Islam, umatnya disuruh mengenal siapakah dirinya. Manusia yang tidak mengenal dirinya sendiri tidak akan bahagia kerana dia tidak akan terasa dirinya adalah hamba kepada Tuhan Azzawajala. Dia juga akan merasa dirinya itu adalah tuan, mulia dan mempunyai kelebihan walaupun sebenarnya tidak ada kelebihan. Maka timbullah sifat sombong dalam hatinya.

Manusia seperti ini terpaksa bergantung kepada dirinya sendiri untuk menyelesaikan masalahnya. Tidak ada tempat untuk menggantung harapan, meminta dan mengadu. Sedangkan manusia tidak boleh terlepas daripada bermacam-macam masalah seperti kesusahan dan kepayahan.

Tidak mungkin manusia boleh menyelesaikan masalah hidupnya tanpa campur Tuhan yang Maha Esa. Hal ini demikianlah yang dimaksudkan manusia yang tidak mengenal Tuhan yang jiwanya tidak bahagia kerana tiada tempat untuk dirujuk, dan bergantung harapan. Sebab itulah, perlunya bertuhan dan wajib mengenali Allah (Fatanah, 2005)

**Taksub Pada Kemewahan**

Pada era masa kini, ramai manusia yang mengejar kekayaan di dunia. Sehingga kan ada yang menjadi hamba kepada kemewahan dunia. Sebagai contoh apabila seseorang itu sudah yakin dengan kekayaan yang dia miliki, terlalu sibuk menguruskan kerjanya, sehingga tidak ada masa untuk beribadat kepada Allah. Apabila sudah jarang meluangkan masa 'bertemu' dengan Allah, iman seseorang itu akan semakin berkurangan.

Dengan iman yang berkurangan itulah seseorang itu meletakkan kekayaan harta benda, dan kerjayanya sebagai kepentingan yang berharga dalam hidupnya dan tidak perlu lagi bertawakal kepada Allah. Manusia yang sedemikian ini adalah manusia yang lupa akan asal usul mereka, siapakah yang menjadikan mereka, dan siapakah yang memberi rezeki, kekayaan dan harta benda kepada mereka. Tidakkah itu semua kehendak Allah yang Maha Berkuasa?



Manusia perlu menanamkan sikap bersyukur dalam hati supaya tidak tergelincir dalam akidah. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

*Maksud: dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu (Fatanah, 2005).*

(Surah al-Zariyat 51:56)

## CARA MENGATASI

Mengubati kerosakan akidah Islam dalam hal bertawakal kepada Allah SWT ini perlu kepada perkara berikut, iaitu memahami maksud Islam berpegang teguh kepada rukun Islam dan rukun iman kembali kepada ajaran al-Quran bersyukur kepada Allah SWT bersungguh-sungguh dalam berusaha.

### Memahami Maksud Islam

Kita sebagai umat Islam hendaklah memahami semula apakah maksud Islam. Dari segi bahasa Islam bermaksud taat dan menyerah. Manakala Islam dari segi syarak ialah mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur hati kepadanya serta beriman kepada ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad daripada Allah (Din, 2007). Sebagaimana Firman Allah:

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعَمُ وَلَا يُطْعَمُ قُلْ إِنِّي أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

*Maksud: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Patutkah Aku mengambil (memilih) Pelindung yang lain dari Allah yang menciptakan langit dan bumi, dan ia pula yang memberi makan dan bukan ia yang diberi makan?" katakanlah: "Sesungguhnya Aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepada Allah (Islam), dan (aku diperintahkan Dengan firmanNya): "Jangan sekali-kali Engkau menjadi dari golongan orang musyrik itu. "*

(Surah Al-An'am, 6:14)

Mematuhi dan menyerah diri juga bermaksud tiap-tiap makhluk mestilah mematuhi dan menyerah diri kepada khaliknya (penciptanya). Hal ini demikian merangkumi seluruh orang mukmin dan kafir sama ada suka atau tidak.

### **Berpegang Teguh kepada Rukun Islam dan Rukun Iman**

Sentiasa berpegang teguh kepada Rukun Islam dan Rukun Iman. Rukun Islam ialah mengucap dua kalimah syahadah, solat lima waktu sehari semalam, berpuasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Rukun Iman pula beriman kepada Allah, beriman kepada Malaikat, beriman kepada Kitab, beriman kepada Rasul, beriman kepada Hari Kiamat dan beriman kepada Qada' dan Qadar.

### **Kembali kepada Ajaran al-Quran**

Menjadikan Al- Quran sebagai pembimbing akal. Al-Quran merupakan din akal dengan pengertian sebagai pembawa hidayah, petunjuk, pemimpin dan pembimbing kepada akal manusia. Allah menurunkan al-Quran untuk memandu manusia ke arah kesempurnaan jiwa supaya manusia dapat mencapai tahap kemanusiaan yang mulia jiwanya (Mahmud, 1995). Firman Allah:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَلْفَيْنَا عَلَيْهِ  
 آبَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ ﴿١٧﴾

*Maksud: dan apabila dikatakan kepada mereka "Turutlah akan apa yang diturunkan oleh Allah" mereka menjawab: "(Tidak), bahkan Kami (hanya) menurut apa yang Kami dapati datuk nenek Kami melakukannya". Patutkah (Mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (Apa pun tentang perkara ugama), dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah (dari Allah)?*

(Surah al-Baqarah 2:170)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ  
وَمَنْ يَعْتَصِمْ بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٣١﴾

*Maksud: dan Bagaimana kamu akan menjadi kafir padahal kepada kamu dibacakan ayat Allah (al-Quran), dan Dalam kalangan kamu ada Rasul-Nya (Muhammad SAW)? dan sesiapa berpegang teguh kepada (ugama) Allah, maka Sesungguhnya ia beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus).*

(Surah al-Imran 3:101)

Manusia hendaklah membuang sikap angkuh dan sombong terhadap Allah. Hal ini demikian adalah kerana manusia sebagai hamba Allah tidak berhak mencabar mengatakan hukum Allah tidak sesuai, sebaliknya mengatakan hukum ciptaan sendiri itu lebih baik dan benar. Firman Allah:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ  
وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٣﴾

*Maksud: dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad),*

*maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding Dengan al-Quran itu, dan panggilan orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang yang benar.*

(Surah Al-Baqarah, 2:23)

Sebagai manusia perlu sentiasa merendah diri kerana dia tahu bahawa amalannya akan dihisab oleh Allah. Apabila ia berjaya melaksanakan kewajipan sebagai hamba Allah dengan menghayati Islam sebagai cara hidupnya, maka ia akan terhindar dirinya daripada sifat takbur dan ujub (berbangga dengan dirinya).

### **Bersyukur kepada Allah SWT**

Islam mendidik manusia supaya sentiasa bersyukur atas limpahan rahmat dan kurniaan Allah yang tidak terhingga banyaknya, sehingga hidup penuh dengan kebangkitan kepada Allah sahaja. Sebagaimana firman Allah:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ  
إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

*Maksud: dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan Demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar Sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".*

(Surah Ibrahim, 14:7)

Maka, dengan sifat bersyukur ini, jiwa dan raganya akan menjadi aman dan sejahtera. Sifat ini juga manusia dapat mengenal diri dan meyakini bahawa Tuhan itu pencipta alam ini dan mustahil untuknya bertawakal selain Allah.

### Bersungguh-Sungguh dalam Berusaha

Manusia perlu berusaha dengan gigih jika ingin mendapatkan sesuatu. Hal ini demikian kerana mustahil bagi mencapai cita-cita sekiranya berpeluk tubuh sahaja. Manusia sering salah dalam memahami takdir atau qada' dan qadar yang akan membawa akibat buruk dalam diri dan kehidupan manusia. Firman Allah:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّن بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ  
 إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ  
 اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

*Maksud: Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) Dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya.*

(Surah Al-Ra'du 13:11)

Walaupun umat Islam berusaha, ia masih lagi belum pasti jika Allah tidak mengkehendakinya, Allah ingin mengajar umatnya supaya tidak berputus asa apabila bertemu dengan kegagalan. Hari tidak akan selamanya malam, ada bintang yang naik, ada bintang yang turun, hari ini umat Islam menang, dan adakalanya umat Islam gagal. Itulah lumrah kehidupan dunia. Sebab itu, dunia ini dijadikan sebagai tempat ujian. Sekiranya berjaya dengan ujian tersebut, syurga adalah ganjarannya.

## RUMUSAN

Adakah manusia mampu bertawakal selain daripada Allah? Jawapannya tidak, kerana manusia tiada upaya melawan kehendak dan kuasa Allah. Manusia hendaklah mengesakan Allah sebagai Tuhan Maha Pencipta, dan Tuhan yang wajib disembah. Kepada Allah sahajalah manusia meminta pertolongan kerana Dia mampu mengabulkan semua permintaan hambanya. Sedangkan, bertawakal selain daripadanya adalah sesuatu yang paling dibenci oleh Allah (al-Jauziyah, 2002). Firman Allah:

قَالَ يَا قَوْمِ أَرَأَيْتُمْ إِن كُنْتُمْ عَلَىٰ بَيْتِهِ مِن رَّبِّي وَرَزَقَنِي مِنْهُ  
رِزْقًا حَسَنًا وَمَا أُرِيدُ أَنْ أُخَالِفَكُمْ إِلَىٰ مَا أَنهَاكُمْ عَنْهُ  
إِن أُرِيدُ إِلَّا الْإِصْلَاحَ مَا اسْتَطَعْتُ وَمَا تَوْفِيقِي إِلَّا بِاللَّهِ  
عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ ﴿٨٨﴾

*Maksud: Nabi Syuaib berkata: "Wahai kaumku! Bagaimana fikiran kamu, jika Aku berdasarkan Bukti yang nyata dari Tuhanku, dan ia pula mengurniakan daku pangkat Nabi sebagai pemberian daripadanya, (Patutkah Aku berdiam diri dari melarang kamu) sedang Aku tidak bertujuan hendak melakukan sesuatu yang Aku melarang kamu daripada melakukannya? Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah Aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya melainkan Dengan pertolongan Allah. kepada Allah jualah Aku berserah diri dan kepada-Nyalah Aku kembali.*

(Surah Huud 11:88)

Begitu juga dengan firman-Nya:

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ وَكَفَى بِهِ  
بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا ﴿٥٨﴾

*Maksud: dan berserahlah Engkau kepada Allah Tuhan yang hidup, yang tidak mati; serta bertasbihlah Dengan memujiNya; dan cukuplah ia mengetahui secara mendalam akan dosa-dosa hambaNya;*

(Surah al-Furqaan, 25:58)

Selain itu, Allah SWT juga berfirman:

كَذَلِكَ أَرْسَلْنَاكَ فِي أُمَّةٍ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهَا أُمَمٌ لِيَتْلُو  
عَلَيْهِمُ الَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَهُمْ يَكْفُرُونَ بِالرَّحْمَنِ قُلْ هُوَ  
رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ مَتَابِ ﴿٣٠﴾

*Maksud: Demikianlah, Kami utusan engkau (Wahai Muhammad) kepada satu umat yang lalu sebelumnya beberapa umat yang lain, supaya Engkau membacakan kepada mereka al-Quran yang Kami wahyukan kepada-Mu, sedang mereka kufur kepada (Allah) al-Rahman katakanlah: "Dia lah Tuhanku, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan dia. Kepada-Nyalah Aku berserah diri, dan kepada-Nyalah tempat kembaliku (dan kamu semuanya)".*

(Surah Ar-Rad, 13:30)

Inilah firman Allah yang menghimpunkan makna tauhid sebagai syarat memperoleh kebahagiaan hakiki yang menjadi dambakan setiap hambanya. Allah menciptakan makhluknya semata-mata

untuk beribadat kepada-Nya dengan ikhlas daripada hatinya. Dengan sentiasa mengingati Allah, maka hati manusia akan selalu tenang dan akan memiliki jiwa yang tenteram. Tidak ada yang lebih baik bagi orang yang bertakwa di dunia selain beriman kepada Allah, mencintai dan rindu ingin berjumpa kepadanya.

## RUJUKAN

- Abidin, Danial Zainal. (2008). *Minda Muslim Super*. Batu Caves, Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Al-Jauziyah, Ibnu'l Qayyim (2002). *Membersihkan Hati Dari Gangguan Setan*. Yogyakarta: Gema Insani Press.
- al-Qardawi, Yusuf. (1996). *Fiqh Keutamaan Berasaskan al-Quran dan As-Sunnah*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Din, Haron (2007). *Ada Apa Dengan Islam*. Batu Caves, Kuala Lumpur: PTS Millennia SDN BHD.
- Fatanah, Abu Ahmad. (2005). *10 Golongan yang Tidak Mendapat Syafaat*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Ismail, Abdul Aziz. (2006). *Awas! Golongan Munafikin*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House SDN BHD.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM.
- Mahmud, Abdul Halim. (1995). *Islam Dan Akal*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd, Ainon. (2011). *Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf*. Batu Caves, Selangor: PTS Media Group Sdn Bhd.
- Omar, Ariffin. (2004). *Dosa-Dosa Besar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Yusoff, Zulkifli Mohd. (2011). *Tafsir Ayat Ahkam*. Batu Caves, Selangor: PTS Media Group Sdn Bhd.